

**TEKS UCAPAN Y.BHG. NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS PENYAMPAIAN  
WATIKAH KEPADA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) SESI 2007/2008 DAN  
PENGHARGAAN KEPADA MANTAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)**

**SESI 2006/2007**

**TEMPAT:  
DEWAN UTeM 1, KAMPUS INDUSTRI  
UTeM**

**TARIKH :  
03 OKTOBER 2007**

TEKS UCAPAN YBHG DATUK PROF. Ir. ISMAIL BIN HASSAN, NAIB CANSELOR UTeM SEMPERNA MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH KEPADA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) SESI 2007/2008 DAN PENGHARGAAN KEPADA MANTAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) SESI 2006/2007 PADA 03 OKTOBER 2007 JAM 6.00 PETANG BERTEMPAT DI DEWAN UTeM 1

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM  
ASSALAMUALAIKUM WRT WBT

YBHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH,  
TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN & INOVASI)

YBHG DATO' PROF DR. MOHD NOR BIN HUSAIN,  
DEKAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

YANG DIHORMATI PEGAWAI-PEGAWAI KANAN  
UNIVERSITI

YANG DIHORMATI

BARISAN KEPIMPINAN MAJLIS PERWAKILAN SESI  
2007/2008

YANG DIHORMATI SAUDARA MOHD NAQIB BIN DERANI MANTAN YANG DIPERTUA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR DAN BARISAN KEPIMPINAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR 2006/2007

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SERTA PARA  
PELAJAR YANG DIHORMATI SEKALIAN.

ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SWT KERANA TELAH MEMBERI KEIZINAN KEPADA KITA UNTUK BERHIMPUN PADA PETANG INI DALAM SUASANA YANG AMAN DAN DAMAI. KITA HENDAKLAH BERSYUKUR DENGAN NIKMAT YANG DIKURNIAKAN INI LEBIH-LEBIH LAGI MAJLIS YANG DIADAKAN HARI INI DIBUAT DALAM BULAN RAMADHAN AL-MUBARAK YANG SANGAT MULIA DI SISI ALLAH SWT.

SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI KERANA MENGUNDANG SAYA UNTUK HADIR PADA MAJLIS INI DAN SETERUSNYA MENYAMPAIKAN WATIKAH KEPADA MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP) SESI 2007/2008.

PADA KESEMPATAN INI SAYA INGIN MERAKAMKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA KEPIMPINAN

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR SESI 2006/2007 YANG LALU YANG TELAH DITERAJUI OLEH SAUDARA MOHD NAQIB BIN DERANI SEBAGAI YANG DIPERTUA MPP.

SESUNGGUHNYA PIHAK UNIVERSITI AMAT BERBANGGA DENGAN KHIDMAT BAKTI YANG TELAH DICURAHKAN OLEH ANDA SEMUA SELAMA INI. UNTUK ITU PADA KESEMPATAN INI SAYA BAGI PIHAK UNIVERSITI SEKALI LAGI MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN KEPADA JASA, USAHA, DAN BAKTI YANG TELAH DICURAHKAN.

SEMOGA PENGALAMAN YANG DIPEROLEHI SEMASA MENJADI EXCO MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR DAPAT DIGUNAKAN SEPENUHNYA UNTUK PEMBANGUNAN DIRI DAN SETERUSNYA DIMANFAAT UNTUK KEBAIKAN MASYARAKAT.

SAYA MENYERU AGAR PENGALAMAN YANG DIPEROLEHI SEMASA DALAM MPP TERUTAMANYA DALAM MENGENDALIKAN AKTIVITI ATAU ISU, DAPAT DIKONGSI BERSAMA DENGAN BARISAN KEPIMPINAN MPP YANG BARU. INI BAGI MEMASTIKAN BARISAN MPP YANG BARU MENDAPAT BIMBINGAN DARIPADA SENIOR SUPAYA MEREKA LEBIH MANTAP DAN BERKESAN.

JANGANLAH MENYEPI DIRI DARIPADA MENYERTAI AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIRANCANG OLEH PIHAK UNIVERSITI KERANA BAKTI YANG TELAH ANDA CURAHKAN SEBELUM INI MASIH DIPERLUKAN OLEH PIHAK UNIVERSITI BAGI MENJADIKAN MAHASISWA UTeM LEBIH DINAMIK DAN BERWIBAWA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

UNTUK MAKLUMAN SEMUA, PROSES PENAMAAN CALON UNTUK PEMILIHAN MPP BAGI SESI PADA KALI INI TELAH DIADAKAN PADA 26 SEPT 2007 DI DEWAN UTeM 1, DARI JAM 10.00 HINGGA 12.00 TENGAHARI. SEHINGGA MASA PENAMAAN CALON DITUTUP, JAWATANKUASA PILIHANRAYA TELAH MENERIMA 21 PENCALONAN SEPERTI BERIKUT:

1. UMUM 7 PENCALONAN
2. FTMK 3 PENCALONAN
3. FKE 2 PENCALONAN
4. FKEKK 3 PENCALONAN
5. FKM 2 PENCALONAN
6. FKP 4 PENCALONAN

WALAU BAGAIMANAPUN SEORANG CALON FKP TELAH DIBANTAH PENCALONANNYA. INI

MENYEBABKAN SEMUA KAWASAN UMUM DAN FAKULTI MENANG TANPA BERTANDING.

DARIPADA PENCALONAN YANG DIBUAT, ADALAH DIDAPATI BAHAWA TERDAPAT 2 KAWASAN FAKULTI YANG KEKURANGAN CALON IAITU MASING-MASING 1 DI FKE DAN FKM.

IA BERBEZA DARIPADA SENARIO TAHUN LEPAS DI MANA SEBANYAK 32 PENCALONAN DITERIMA IAITU 11 ORANG BERTANDING UNTUK KAWASAN UMUM DAN 21 ORANG BERTANDING BAGI KAWASAN FAKULTI.

BEBERAPA TANGGAPAN BOLEH DIBUAT SAMA ADA IA DISEBABKAN KEKURANGAN MINAT DI KALANGAN PELAJAR UNTUK TERLIBAT DENGAN AKTIVITI POLITIK KAMPUS, ATAU KEKURANGAN CALON

YANG MEMPUNYAI DAYA KEPIMPINAN, ATAU PELBAGAI FAKTOR LAIN YANG PERLU DIKAJI.

KITA PERLU SEDAR BAHAWA TUJUAN PILIHANRAYA KAMPUS DIADAKAN IALAH UNTUK MENDEDAHKAN PELAJAR DENGAN PROSES PEMILIHAN PEMIMPIN SECARA DEMOKRASI. INI MELIBATKAN CALON-CALON YANG BERTANDING BERSAING SECARA SIHAT UNTUK MEMENANGI HATI PENGUNDI DENGAN MANIFESTO MASING-MASING. SECARA TIDAK LANGSUNG IA MENDIDIK PELAJAR UNTUK MATANG DALAM ARENA POLITIK DAN KEPIMPINAN NEGARA PADA SUATU HARI NANTI.

WALaubAGAIMANAPUN SAYA MENGUCAPKAN SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA SEMUA YANG TELAH TERPILIH SEBAGAI BARISAN MPP KALI INI. PADA KALI INI BARISAN MPP JUGA DIWAKILI DARI PELBAGAI KAUM IAITU DI SAMPING EXCO

DARIPADA PELAJAR MELAYU TERDAPAT JUGA 2 EXCO PELAJAR CINA DAN 2 EXCO PELAJAR INDIA.

INI MENUNJUKKAN SIKAP KETERBUKAAN KITA UNTUK MEMBERI PELUANG KEPADA SEMUA PELAJAR YANG BERBILANG BANGSA UNTUK BERTANDING BAGI MENGANGGOTAI BARISAN EXCO MPP.

HARAPAN SAYA SEMOGA ANDA SEMUA DAPAT MENJALANKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB DENGAN PENUH AMANAH DAN DEDIKASI. MANDAT YANG TELAH DIBERIKAN PERLU DIBALAS DENGAN PRESTASI YANG CEMERLANG. PERJUANGKAN ISU-ISU MAHASISWA TIDAK SAHAJA DI DALAM UNIVERSITI TETAPI JUGA YANG BERKAITAN DENGAN KEMANUSIAAN, KEMASYARAKATAN DAN DUNIA LUAR DENGAN BERKESAN DAN BIJAKSANA.

SEBAGAI PEMIMPIN YANG BERILMU ANDA PERLU MENANGANI SESUATU ISU DENGAN BERHEMAH DAN BERTINDAK DENGAN RASIONAL SERTA BERSIFAT TERBUKA. JAUHILAH DIRI DARI BERSIKAP EMOSI SEMASA MEMBUAT SESUATU TINDAKAN KERANA IA TIDAK SAHAJA AKAN MEROSAKKAN NAMA ANDA TETAPI JUGA NAMA DAN IMEJ UNIVERSITI.

DALAM KONTEKS DUNIA YANG SEMAKIN GLOBAL, SEHARUSNYA EXCO-EXCO MPP UTeM TELAH MAMPU UNTUK MEMBANGKITKAN ISU-ISU PADA PERINGKAT NASIONAL DAN INTERNASIONAL. KITA PERLU LEBIH SENSITIF ATAU PEKA DENGAN PERKARA-PERKARA YANG BERLAKU DI SEKELILING KITA. TUNJUKKAN KEBERANIAN UNTUK MEMBAHAS DAN MEMBERI PANDANGAN TERHADAP ISU-ISU KEMANUSIAN DAN SOSIAL YANG ADA.

AKHIR KATA, SEKALI LAGI SAYA MENGUCAPKAN  
TAHNIAH KEPADA BARISAN KEPIMPINAN MAJLIS  
PERWAKILAN PELAJAR (MPP) SESI 2007/2008 YANG  
DILANTIK. RIBUAN TERIMA KASIH JUGA DIUCAPKAN  
DI ATAS KERJASAMA YANG TELAH DIBERIKAN  
OLEH BARISAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR  
(MPP) SESI 2006/2007 YANG SELAMA INI TELAH  
MENABUR BAKTI DAN KERJASAMA YANG TINGGI  
DENGAN PIHAK PENGURUSAN UNIVERSITI.  
SEMOGA KERJASAMA YANG BAIK ANTARA PIHAK  
PENGURUSAN UNIVERSITI DENGAN MPP INI DAPAT  
DITERUSKAN DEMI KEBAIKAN UNIVERSITI.

SEKIAN, WABILLAHl TAUFIK WAL HIDAYAH  
WASSALAMUALAIKUM WARAMATULLAHl  
WABARAKATUH.